



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA

LJT NO. 1 / 2025

TAJUK SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF
SISTEM RANGKAIAN
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT)**

Pengenalan Sebut Harga	4
Kenyataan Sebut Harga	5
BAHAGIAN I : ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL	6
1. ARAHAN AM.....	6
2. TAFSIRAN.....	6
3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL.....	7
4. KOS SEBUT HARGA.....	7
6. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN.....	8
7. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN.....	8
8. PENGHANTARAN.....	9
9. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA.....	9
10. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN.....	9
11. SETUJU TERIMA.....	9
12. BON PERLAKSANAAN.....	10
13. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU.....	11
14. LIT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA.....	11
15. JADUAL BAYARAN.....	11
16. PENYERAHAN BIL/ TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/ KONTRAKTOR DALAM TEMPOH 14 HARI KEPADA LIT.....	12
17. DOKUMEN KONTRAK.....	12
18. TEMPOH KONTRAK.....	12
19. LOKASI PELAKSANAAN.....	12
20. TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA.....	13
21. DENDA LEWAT.....	13
22. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH.....	13
BAHAGIAN II : KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	14
1. LATAR BELAKANG.....	14
2. SKOP PERKHIDMATAN.....	14
BAHAGIAN III : CARA MENGEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA	16
1. FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA.....	16
2. PENYERAHAN CADANGAN SEBUT HARGA.....	17

3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA	18
4. PERTANYAAN	18
BAHAGIAN IV : BORANG SEBUT HARGA	19
1. SENARAI SEMAK	19
2. BORANG I - AKUAN SEBUT HARGA	21
3. BORANG II – JADUAL TAWARAN HARGA.....	22
4. BORANG III – SOAL SELIDIK SYARIKAT	23
5. BORANG IV - SURAT AKUAN PEMBEKAL.....	25
6. BORANG V – JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	26
LAMPIRAN 1-A : SENARAI PERKAKASAN SISTEM RANGKAIAN	36

PENGENALAN SEBUT HARGA

MEMBEKAL PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF SISTEM RANGKAIAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT) UNTUK TEMPOH 12 BULAN.

PERINGATAN:

1. Pembekal-Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan Dokumen Sebut Harga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab Pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada Seksyen Teknologi Maklumat, LJT.
3. Tawaran ini tertakluk kepada penentuan (spesifikasi) dan syarat-syarat yang tercatat di dokumen ini. Pembekal - pembekal adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan sebut harga berkenaan tidak dipertimbangkan atau **DITOLAK**.

KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LJT NO. 1/ 2025
TAJUK : MEMBEKAL PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF SISTEM RANGKAIAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT) UNTUK TEMPOH 12 BULAN.

1. PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang BERDAFTAR SEBAGAI KONTRAKTOR BUMIPUTERA DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA di bawah pecahan kod bidang 210101, 210102, 210103, 210104 dan 210105 yang masih belum tamat tempoh bagi **MEMBEKAL PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOMPREHENSIF SISTEM RANGKAIAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT) UNTUK TEMPOH 12 BULAN.**

2. KAEDAH PELAKSANAAN INTEGRITY PACT

- 2.1. Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh Pembekal, kesemua Pembekal yang menghantar dokumen Sebut Harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (Borang V) bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- 2.2. Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh Pembekal, Pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

- 3.1. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat LJT, Tingkat 5, Wisma LJT, Lorong Perak Pusat Bandar Melawati 53100 Kuala Lumpur **SEBELUM ATAU PADA JUMAAT, 31 JANUARI 2025 JAM 12.00 TENGAH HARI.**

1. ARAHAN AM

- 1.1. Sebut Harga adalah dipelawa dari pembekal-pembekal yang berkeelayakan untuk **Membekal Perkhidmatan Penyelenggaraan Komprehensif Sistem Rangkaian Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan.**
- 1.2. Pembekal yang ingin menyertai Sebut Harga ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di dalam dokumen ini mungkin menyebabkan tawaran Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan oleh LJT.**
- 1.3. Pembekal yang ingin menyertai sebut harga ini dikehendaki membaca dan memahami dengan teliti mengenai pembekalan yang akan ditawarkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal dalam dokumen tawaran ini.
- 1.4. Pembekal yang menghadapi masalah atau tidak memahami perkara-perkara yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga ini boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan dari Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Pembekal tidak berhak membuat apa-apa kenyataan bahawa mereka tidak mendapat maklumat mencukupi dari LJT.

2. TAFSIRAN

Dalam Dokumen Sebut Harga ini tafsiran bagi istilah yang berikut hendaklah digunakan, kecuali apabila konteksnya memerlukan berlainan maksud.

- 2.1. **Bulan** - Hendaklah bermaksud bulan kalendar Gregorian.
- 2.2. **Dokumen Sebut Harga** - Dokumen ini berserta dengan lampiran-lampirannya.
- 2.3. **Harga Perolehan** - Harga dalam Ringgit Malaysia yang patut dibayar kepada Pembekal bagi perkhidmatan yang lengkap dan sempurna yang telah dilaksanakan oleh Pembekal berdasarkan tanggungjawabnya terhadap Sebut Harga ini.
- 2.4. **Hari** - Termasuk hari cuti hujung minggu dan cuti am.
- 2.5. **LJT** - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia.
- 2.6. **Kontrak** - Satu perjanjian formal yang dipersetujui di antara pihak LJT dan Pembekal yang berjaya mengikut Akta Kontrak 1950.
- 2.7. **Pembekal** - Individu atau syarikat yang dengannya perolehan dibuat untuk melaksanakan skop kerja kepada LJT menurut Dokumen Sebut Harga ini, pengganti dan wakil atau agen yang dilantik Pembekal.
- 2.8. **Pihak Berkuasa Kontrak** - Sesiapa sahaja yang pada masa ini memegang atau melaksanakan tugas sebagai Setiausaha bagi LJT atau mana-mana pegawai lain yang diberikan kuasa oleh beliau.

- 2.9. **Premis** - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).
Aras 5-7, Wisma LJT,
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur.
- 2.10. **Surat Setuju Terima (SST)** - Surat yang dikeluarkan oleh LJT yang menyatakan akuan penerimaan cadangan Sebut Harga yang akan mengikat di antara LJT dengan Pembekal, tanpa mengira sama ada perjanjian perolehan sedang ataupun belum dilaksanakan.
- 2.11. **Tarikh Penghantaran** - Tarikh yang dipersetujui antara LJT dan Pembekal bagi perolehan ini ke premis LJT.
- 2.12. **Waktu Kerja LJT** - Tempoh masa antara jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat dan tidak termasuk apa-apa cuti umum yang diiktiraf di negeri Selangor.

3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL

- 3.1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada semua Pembekal yang berdaftar sebagai kontraktor Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang 210101, 210102, 210103, 210104 dan 210105.
- 3.2. Pembekal adalah dikehendaki melampirkan salinan sijil bagi Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan.
- 3.3. Tempoh sahlaku tawaran dan tempoh siap kerja mestilah dinyatakan.
- 3.4. Pembekal mestilah merupakan agen yang diiktiraf / orang tengah bagi pembekal utama.
- 3.5. LJT berhak tidak mempertimbangkan atau menolak tawaran Pembekal sekiranya tidak mematuhi keperluan mana-mana para hingga 3.4.

4. KOS SEBUT HARGA

- 4.1. Pembekal mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran Sebut Harga. LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

5. MAKLUMAT TAWARAN HARGA

- 5.1. Semua tawaran harga yang dikemukakan pembekal pada BORANG II - JADUAL TAWARAN HARGA hendaklah di dalam RINGGIT MALAYSIA (RM) dan tidak melebihi dua angka perpuluhan. Penilaian harga antara pembekal adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan atau berasaskan item-item yang ditawarkan atau harga setiap item yang paling *competitive*. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit setiap item akan diambil kira.
- 5.2. Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku Sebut Harga **MINIMUM** selama **SEMBILAN PULUH (90) HARI** dan **MAKSIMUM** selama **ENAM (6) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga.

Harga yang ditawarkan oleh pembekal yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh kontrak dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

6. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN

- 6.1. Tempoh kontrak adalah bermula dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani sehinggalah tarikh tamat obligasi yang terakhir.
- 6.2. Pembekal yang berjaya mestilah menyempurnakan pembekalan mengikut tempoh yang dipersetujui dan ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima yang ditandatangani.
- 6.3. Bagi kontrak kuantiti secara bermasa (sekiranya berkaitan), penghantaran bekalan adalah dalam tempoh penghantaran yang dipersetujui; atau mengikut item jika sekiranya melibatkan lebih daripada satu (1) jenis item dengan tempoh penghantaran yang berbeza; selepas menerima pesanan.
- 6.4. Pelantikan dan penyerahan Surat Setuju Terima kepada Pembekal yang berjaya akan dilakukan dalam tempoh **SATU (1) MINGGU** selepas kelulusan LJT.
- 6.5. Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani oleh pembekal yang berjaya hendaklah dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima manakala Bon Pelaksanaan pula **hendaklah** dalam tempoh **TIGA PULUH HARI (30) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima. Kegagalan pematuhan penyerahan semula boleh menyebabkan pembatalan Surat Setuju Terima dibuat.

7. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN

- 7.1. Sepanjang tempoh sebelum penyerahan Sebut Harga, Pembekal boleh meminta penjelasan dokumen Sebut Harga atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya daripada LJT.
- 7.2. LJT akan berusaha memberi jawapan kepada setiap pertanyaan dan jawapan tersebut akan dikemukakan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyertaan Sebut Harga dengan syarat jawapan tersebut tidak melanggar (*infringe*) hak milik (*proprietary*) Pembekal yang bertanya. Dalam hal yang demikian pertanyaan yang boleh menimbulkan rasa tersinggung (*offending*) tidak akan dilayan.
- 7.3. Maklumat yang diperoleh secara tidak rasmi tidak boleh dijadikan sebagai bahan sokongan bagi sesuatu cadangan yang dikemukakan, melainkan bahan / maklumat berkenaan diperoleh secara rasmi (permohonan bertulis kepada pihak LJT).
- 7.4. Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk kepada:-

Urusetia Sebut Harga

Nama : Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin
No Telefon : 03-41085191
Email : linda.za@ljt.org.my

Aspek Teknikal

Nama : En Mohd Fazly Bin Mat Yusop
No Telefon : 03-41085191
Email : fhazly.my@ljt.org.my
Waktu Pejabat : 8:00 pagi–5:00 petang (Isnin hingga Jumaat)

8. PENGHANTARAN

- 8.1. Penghantaran sekiranya berkaitan hendaklah dibuat terus ke premis LJT kecuali diarahkan oleh LJT sebaliknya. Pembekal hendaklah memberikan jadual penghantaran dengan menunjukkan masa untuk penghantaran. Jadual penghantaran tersebut hendaklah juga menyatakan masa yang diperlukan bagi penghantaran sepenuhnya.
- 8.2. Penyerahan / Penghantaran ini akan diperakui secara bertulis oleh LJT atau sesiapa sahaja yang diberikan kuasa oleh LJT. Walau bagaimanapun ia bukanlah bermakna penerimaan muktamad. Penerimaan muktamad akan dimaklumkan secara bertulis oleh LJT.
- 8.3. Kos penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pembekal.

9. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA

- 9.1. Setelah nyata bahawa pembekalan, pengujian dan pentauliahan terlewat (sekiranya berkaitan), Pembekal hendaklah memberikan notis bertulis tentang punca kelewatan kepada LJT.
- 9.2. Jika Pembekal yang berjaya tidak dapat menyempurnakan pembekalan, pengujian dan pentauliahan tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan mulai daripada tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani, dan jika LJT tidak pula membatalkan Sebut Harga menurut kuasa yang diperuntukkan dalam syarat Dokumen Sebut Harga ini, maka Pembekal yang berjaya hendaklah **membayar ganti rugi sebanyak RM300.00** bagi setiap hari atas kelewatan yang berlaku. Jumlah potongan boleh dibuat daripada mana-mana wang yang boleh dibayar kepada Pembekal yang berjaya menurut Sebut Harga ini dan juga Sebut Harga yang lain (jika ada) dengan LJT.
- 9.3. LJT berhak untuk menerima atau menolak sebarang perlanjutan tempoh yang diperlukan oleh Pembekal bagi pelaksanaan perolehan ini.

10. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN

- 10.1. Segala pindaan dan pembatalan butiran dalam borang-borang atau maklumat yang disediakan hendaklah ditandatangani oleh Pembekal.

11. SETUJU TERIMA

- 11.1. Pelantikan dan penyerahan Surat Setuju Terima kepada Pembekal yang berjaya akan dilakukan dalam tempoh satu (1) minggu selepas kelulusan LJT.
- 11.2. Surat Setuju Terima itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat atau sebagai pengubahsuaian syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya

demikian Sebut Harga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada Pembekal menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.

- 11.3. Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara LJT dengan Pembekal itu mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut itu, jika ada) dan tiadalah apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak itu.
- 11.4. Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani oleh pembekal yang berjaya **hendaklah** dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima manakala Bon Pelaksanaan pula **hendaklah** dalam tempoh **TIGA PULUH HARI (30) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima. Pembekal hendaklah memohon lanjutan masa dan menyatakan sebab-sebab kelewatan tersebut sekiranya gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan pematuhan penyerahan semula boleh menyebabkan pembatalan Surat Setuju Terima dibuat.

12. BON PERLAKSANAAN

- 12.1. Pembekal yang berjaya akan dikehendaki mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan untuk memastikan supaya Pembekal yang berjaya itu menjalankan kontrak mengikut syarat-syarat dalam kontrak. Nilai Bon Pelaksanaan yang dikenakan adalah seperti berikut.
 - i. Bagi kontrak yang berjumlah RM200,000.00 dan tidak melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 2.5% daripada jumlah harga kontrak;
 - ii. Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 5% daripada jumlah harga kontrak; dan
 - iii. Bagi kontrak bermasa (*periodic contract*) yang berkuat kuasa dalam tempoh (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
- 12.2. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
 - i. Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - ii. Jaminan Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - iii. Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - iv. Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau

- v. Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- vi. Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).

12.3. Tempoh sah laku bon pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah selama **DUA PULUH EMPAT (24) BULAN** daripada tarikh Surat Setuju Terima.

13. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

- 13.1. Semua harga Sebut Harga mestilah di dalam **RINGGIT MALAYSIA** (termasuk semua cukai yang terlibat, jika ada) bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga (termasuk penghantaran, pemasangan dan lain-lain tugas).
- 13.2. Harga yang disebutkan dalam Sebut Harga hendaklah sah laku **MINIMUM** selama **SEMBILAN PULUH (90) HARI** dan **MAKSIMUM** selama **ENAM (6) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga.
- 13.3. LJT akan meminta Pembekal untuk menyambung tempoh pengesahan Sebut Harga tersebut sekiranya diperlukan. Permintaan ini dan maklumbalasnya mestilah dibuat secara bertulis.
- 13.4. Pembekal yang bersetuju dengan permintaan ini tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengubahsuai Sebut Harganya tetapi dikehendaki untuk melanjutkan tempoh pengesahan sebutarganya.

14. LJT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA

- 14.1. LJT tidak terikat untuk menerima tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga yang diterima.
- 14.2. LJT berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran Sebut Harga atau sebahagiannya. LJT juga berhak untuk mengubah spesifikasi Sebut Harga jika perlu.
- 14.3. Keputusan LJT adalah muktamad dan LJT tidak akan perlu memberi apa-apa alasan bagi sebarang penolakan mana-mana sebutharga.

15. JADUAL BAYARAN

- 15.1. Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 15.2. Pembayaran hanya akan dibuat setelah kontrak ditandatangani oleh pembekal yang berjaya dan pihak LJT.
- 15.3. Pembayaran akan dibuat setelah Pembekal mengemukakan invois yang telah di sahkan oleh Pengurus Projek dan disertakan dokumen-dokumen penerimaan yang ditandatangani oleh LJT.
- 15.4. Invois bersama dokumentasi tersebut perlu dihantar ke LJT untuk tindakan pembayaran. Pembayaran akan di buat dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan.

- 15.5. Pembayaran hanya akan dibuat sekiranya semua kerja telah dilaksanakan dengan sempurna, sebagaimana yang telah dipersetujui dan disahkan oleh LJT mengikut harga yang dipersetujui atau harga per item, mengikut mana-mana yang berkaitan.
- 15.6. Sekiranya pihak LJT tidak berpuas hati dengan pembekalan atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau bagi pembekalan atau perkhidmatan yang tidak dilaksanakan, LJT berhak untuk tidak membuat pembayaran.
- 15.7. Sekiranya terdapat denda penalti yang dikenakan atas sebarang bekalan atau perkhidmatan, maka perlu diselesaikan terlebih dahulu bayaran denda tersebut (sekiranya tiada pengecualian denda) sebelum bayaran penuh dilaksanakan kepada pembekal.

16. PENYERAHAN BIL/ TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/ KONTRAKTOR KEPADA LJT

- 16.1. Pembekal/pembekal berjaya perlu mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** daripada tarikh bekalan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. LJT tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal/kontraktor jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari.

17. DOKUMEN KONTRAK

- 17.1. Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga atau di mana-mana jadual yang terdahulu adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara LJT dan Pembekal yang berjaya.
- 17.2. Pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak LJT dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 17.3. Dokumen kontrak yang lengkap akan disediakan selepas Sebut Harga ditawarkan kepada Pembekal yang berjaya.
- 17.4. Surat Setuju Terima Sebut Harga yang dihantar oleh LJT kepada Pembekal yang berjaya dan Surat Perakuan Pembekal ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara LJT dan Pembekal tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

18. TEMPOH KONTRAK

- 18.1. Tempoh kontrak adalah bermula dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani sehinggalah tarikh tamat obligasi yang terakhir.
- 18.2. Pembekal yang berjaya mestilah menyempurnakan pembekalan perkhidmatan penyelenggaraan mengikut tempoh yang dipersetujui dan ditetapkan di dalam kontrak yang ditandatangani.

19. LOKASI PELAKSANAAN

- 19.1. Semua pelaksanaan perlu dilaksanakan dilokasi seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal.

20. TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

- 20.1. Tempoh sah laku Sebut Harga MINIMUM adalah selama SEMBILAN PULUH (90) HARI dan MAKSIMUM selama ENAM (6) BULAN dari tarikh tutup Sebut Harga.

21. DENDA LEWAT

- 21.1. Sekiranya pembekal lewat menyempurnakan pembekalan atau perkhidmatan pada tarikh yang dipersetujui, pembekal hendaklah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi pada kadar dua peratus(2%) daripada nilai tawaran (nilai item yang lewat dibekalkan) tersebut bagi setiap hari kelewatan. Ganti rugi hendaklah dibayar setara untuk apa-apa tempoh kurang dari satu(1) bulan dikira pada asas tiga puluh (30) hari dalam sebulan. Formula pengiraan denda adalah seperti berikut:

$$\text{Denda Lewat (RM)} = 2\% \times \text{Bil.hari lewat} / 30 \text{ hari} \times \text{nilai tawaran (RM)}$$

- 21.2. Bagi pelaksanaan pembekalan atau perkhidmatan yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan pembekal seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau yang seumpama, LJT boleh membenarkan perlanjutan tempoh penghantaran tersebut dengan syarat pembekal perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

22. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 22.1. Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 22.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana kakitangan LJT, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 22.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap kakitangan LJT dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 22.4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walau pun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana kakitangan LJT yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

BAHAGIAN II : KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perkhidmatan ini melibatkan penyelenggaraan komprehensif sistem rangkaian LJT untuk tempoh dua belas (12) bulan.

2. SKOP PERKHIDMATAN

2.1. Perkakasan / peralatan yang diselenggara seperti berikut:

2.1.1. Sistem rangkaian (*access switches* dan *core switches*) jenama Ruijie yang diperolehi pada tahun 2012.

Sistem ini terdiri daripada:

- i. 1 unit Core Switch;
- ii. 3 unit Access Switch (28-port);
- iii. 5 unit Access Switch (52-port); dan
- iv. 12 unit Mini GBIC SX module.

2.1.2. Galleon Pro Series 2KVA UPS yang diperolehi pada November 2020. Spesifikasi seperti berikut:

- i. Rating 20,000 VA/ 20,000 watts;
- ii. Type: Tower Floor Standing;
- iii. Input: 380 / 400 / 415 VAC 3 Phase;
- iv. Output: 380 / 400 / 415 VAC 3 Phase;
- v. Battery : 32 x 12v 40AH; dan
- vi. Connectivity: SNMP card x 1 unit.

2.1.3. Sangfor NGAF Firewall yang diperolehi pada tahun 2021. Spesifikasi seperti berikut:

- i. NGAF Platform 8.0.47

2.2. Kesemua peralatan dalam perkara 2.1.1 dan 2.1.2 telah tamat kontrak penyelenggaraan, manakala bagi perkara 2.1.3 masih mempunyai kontrak penyelenggaraan sehingga 21 Mac 2025.

2.3. Skop penyelenggaraan ini melibatkan khidmat senggaraan komprehensif merangkumi perkakasan dan perisian.

2.4. Tempoh penyelenggaraan adalah selama 12 bulan mulai daripada 22 Mac 2025 sehingga 21 Mac 2026.

2.5. Secara umumnya, skop kerja bagi kontrak ini adalah seperti di bawah:

2.5.1. Sokongan panggilan telefon dan e-mel 24 jam sehari dan 365 hari setahun;

2.5.2. Pembekal perlu menyediakan unit gantian dalam masa 4 jam selepas pengesahan kerosakan seperti yang didiagnosis oleh pihak Pembekal;

2.5.3. Unit gantian mestilah mempunyai spesifikasi yang sama atau lebih tinggi daripada unit yang tidak berfungsi berkenaan;

2.5.4. Pengurusan dan pengemaskinian *patches* bagi perisian yang terlibat hendaklah dilakukan apabila perlu supaya ianya sentiasa berfungsi dengan baik dan mengelakkan sebarang isu-isu berkaitan prestasi;

2.5.5. Semua perkakasan mempunyai jadual pemeriksaan berkala bagi memastikan kesemuanya berada dalam prestasi yang terbaik.

2.6. Lokasi perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan adalah di:

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)

Aras 5-7, Wisma LJT

Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati

53100 Kuala Lumpur

2.7. Sila rujuk **Borang V Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal** untuk skop perkhidmatan penyelenggaraan.

BAHAGIAN III : CARA MENGEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA

1. FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA

1.1. Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat seperti yang ditentukan dan **ditaip/dicetak dengan kemas dan terang**. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi Pembekal dibenarkan menaip/mencetak maklumat-maklumat itu di dalam kertas tambahan dan mestilah ditandatangani oleh Pembekal. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh Pembekal dan diberi tarikh sebenar.

1.2. Dokumen Sebut Harga hendaklah mengikut susunan perkara-perkara di bawah.

1.2.1. DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN

- i. **SENARAI SEMAK** penyerahan dokumen yang telah ditanda oleh Pembekal
- ii. Surat rasmi Pembekal dengan keterangan mengenai nama, alamat e-mail, nombor telefon dan nombor faksimili yang boleh dihubungi berkaitan Sebut Harga ini.
- iii. Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan
- iv. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- v. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada)
- vi. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir (dari tempoh 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga)
- vii. Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit oleh Juruaudit Bertauliah bagi tahun kewangan terakhir; atau tahu kewangan sebelumnya jika tiada (sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tarikh tutup sebut harga)
- viii. Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan (jika ada)
- ix. Borang I (Borang Akuan Sebut Harga).
- x. Borang II (Jadual Tawaran Harga).
- xi. Borang III (Borang Soal Selidik Syarikat)
- xii. Borang IV (Surat Akuan Pembekal)

1.2.2. DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL

- i. Salinan **SENARAI SEMAK** penyerahan dokumen yang telah ditanda oleh Pembekal
- ii. Ringkasan Eksekutif yang menerangkan penyelesaian penyelenggaraan yang dicadangkan.
- iii. Cadangan Teknikal terperinci serta spesifikasi bagi perkara-perkara berikut:
 - a. *Standard Maintenance to Achieve System Availability and Reliability and the Support Plan;*
 - b. *Preventive Maintenance Services and the Support Plan; dan*
 - c. *Remedial Maintenance Services and the Support Plan*
- iv. Borang V (Jadual Pamatuhan Spesifikasi Teknikal) – Salinan bercetak (*Hard copy*)
- v. Maklumat tambahan atau dokumen sokongan seperti surat sokongan/ brosur / katalog (jika ada).

2. PENYERAHAN CADANGAN SEBUT HARGA

- 2.1. **Dokumen Tawaran Teknikal** dan **Dokumen Tawaran Kewangan** termasuk dokumen sokongan berkaitan hendaklah disediakan dalam **DUA (2) SAMPUL BERLAKRI (BERLAKRI) YANG BERASINGAN**.
